

# Peluang bincang, kritik terbuka disalah guna

PM mahu masalah diselesaikan secara rasional, matang dan dengan bukti, tapi bukan sensasi

BH- 15/4/2007

RAMAI tertanya-tanya apakah sebenar berlaku apabila perbalahan timbul membabitkan Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Mohd Johari Baharum dan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Datuk Christopher Wan Soo Kee serta Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Adam Abdul Hamid dan Ketua Pengarah LKIM, Datuk Annas Khatib Jaafar hingga Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, terpaksa campur tangan. Ketika pelbagai tafsiran dibuat, wartawan *Berita Minggu*, Ziauddin Sharuddin menemu bual Pengarah Institut Alam dan Tamadun Melayu (Atma) dan Institut Kajian Okcidental (Ikon) Universiti Kebangsaan Malaysia, Profesor Datuk Dr Shamsul Amri Baharuddin bagi mengulas senario ini.

## Soal Jawab

PELBAGAI pihak memberi tafsiran dan tanggapan mengenai perbalahan secara terbuka membabitkan ahli politik dan pegawai kanan kerajaan. Pandangan Datuk

aya melihat apa yang berlaku kebelakangan ini adalah refleksi kepada semangat yang disampaikan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, iaitu bekerja bersama saya dan bukan bekerja untuk saya. Apabila beliau mengungkapkan kenyataan ini, bermakna kita sama-sama mengingatkan, kritik-mengkritik, tegur-menegur, sokong-menyokong, yang baik diberi pujian dan tidak baik diperbetulkan.

Semangat ini yang mendasari pemerintahan dan pendekatan Perdana Menteri. Mungkin orang tidak berasakan itu sesuatu yang baru dan penting. Bagaimanapun, bagi masyarakat, ia sangat penting kerana selama ini mereka berasakan banyak hal tidak boleh diperkatakan dan banyak isu yang harus dibenamkan.

Apa yang timbul juga bukan isu baru. Cuma, baru diperkatakan secara terbuka. Oleh itu, keterbukaan itu yang penting dan bukan isunya kerana dengan keterbukaan, bukan hanya satu isu malah banyak isu keluar. Sama ada membabitkan menteri, timbalan menteri, pengerusi agensi kerajaan atau syarikat berkaitan kerajaan (GLC). Sebelum ini Ketua Pegawai Eksekutif GLC dibida kerana mengangap kegiatan orang Melayu tidak penting.

Sudah tentu tidak dapat dielakkan perbalahan yang berlaku itu dilihat dari sudut politik.

Apa yang berlaku ini adalah wacana politik yang sihat. Kenapa saya menganggap begitu? Isu yang tidak memuaskan hati diperkatakan secara terbuka. Tidak dipendam atau timbul dalam bentuk lain seperti penentangan tersorok dan orang berasakan tidak selamat untuk membincangkan. Saya perhatikan, dulu tapisan sendiri kuat. Sekarang masih ada, tetapi ada ruang yang tidak lagi perlu tapisan sendiri. Orang menyatakan tapisan sendiri itu dilonggarkan. Itu adalah perspektif orang ramai.

Ada beberapa saluran yang membolehkan ini berlaku. Paling penting kepada saya ialah peraturan yang diperkenalkan pada zaman bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, iaitu apabila Koridor Raya Multimedia (MSC) diperkenalkan, kita dimasalahkan peserta luar negara bahawa internet tidak perlu tapis. Dalam internet ada pelbagai komponen dan antara komponen itu sekarang ialah blog.

Kalau tidak boleh keluar mengikut saluran rasmi, surat khabar dan media elektronik, ia akan keluar dalam bentuk web. Kadang-kadang berita diambil dari web dan dihuraikan lagi. Keterbukaan itu sudah ada saluran untuk menyampaikan apa yang terbuka dalam kalbu.

Ini yang saya anggap sihat. Mengalahkan kritikan itu pahit kepada orang yang dikritik dan mungkin menyentuh serba sedikit perjalanan pemerintahan, tetapi saya rasa semangatnya ialah bekerja bersama saya dan bukan bekerja untuk saya. Maka, mereka yang menyampaikan berita itu berasakan, inilah cara bekerja dengan beliau. Ia bermaksud memberitahu cara yang terbaik untuk mengatasi masalah.

Kepada saya, keterbukaan kerajaan terhadap isu yang dulu dianggap sensitif, ini berkaitan dengan konsep penapisan. Perdana Menteri menyatakan kalau hendak kritik mesti ada tanggungjawab. Bukan kritik membabi buta. Kritikan pun ada batasannya. Kalau kritik peribadi, apa buktinya? Dalam satu cara lain, ia mengajar dan mengundang rakyat berdialog dengan lebih rasional. Ini suatu perkara penting. Di Malaysia apabila berdialog, kadang-kadang kita emosional.

Tengoklah mesyuarat agung Umno seperti yang saya saksikan sendiri. Kita lihat mesyuarat Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), cara kita berbincang sangat emosional. Tetapi sekarang kita perlahan-lahan diarahkan bahawa emosi tetap ada, tetapi

apakah alasannya?

Awak marah kerana tidak dapat ini, tetapi apakah sebabnya. Ia bukan hanya mengasuh kita lebih rasional, tetapi berasakan fakta kerana apabila kita berhujah, orang akan bunuh hujah kita kalau tidak ada fakta. Rakyat Malaysia disosialisasikan supaya berbincang dengan rasional dan menggunakan data kukuh. Dengan sendirinya mereka yang menyerang secara peribadi tanpa bukti jelas dengan sendiri akan diketepikan.

Bagaimana dasar keterbukaan memberi kesan terhadap proses politik negara.

Perkembangan yang penting dalam proses politik di Malaysia. Barat dianggap matang kerana kemampuan berbincang dengan rasional. Di Malaysia, saya rasa rasional menjadi pokok ikutan kita. Yang menarik, ia bukan hanya membantu kita berbincang dengan kerajaan. Ia juga membantu kita dalam berhubung antara kaum kerana ia membolehkan kita berhujah dengan rasional, terbuka mengenai isu berkaitan kaum berbeza. Cuba kita lihat perdebatan dalam Barisan Nasional (BN) antara Presiden PPP (Parti Progresif Rakyat), Datuk M Kayveas dan bekas Presiden Gerakan, Datuk Seri Lim Keng Yaik.

Mereka terpaksa berdebat dan berdebat ada unsur emosional yang kuat. Mereka terpaksa membuktikan perdebatan itu dilaksanakan dengan rasional dan ada bukti. Ini suatu proses yang saya rasa perubahan yang penting dalam cara kita berbincang. Untuk melaksanakan proses demokrasi yang berkesan ialah sama ada mampu atau tidak, kita berbincang tanpa emosi. Ini cabaran sebenar kepada rakyat Malaysia. Pemikiran dan kematangan proses dan perilaku berpolitik.



Perdana Menteri tak arah kita tidak lagi bercakap secara terbuka. Beliau suruh kita berhenti kata-mengata. Jangan defensif, iaitu kalau diserang maka, bermati-matian mempertahankan walaupun tidak betul. Kalau tak betul, mengaku tidak betul"

Berbalik kepada perbalahan terbuka. Apakah kesan terhadap pentadbiran kerajaan.

Ada dua cara untuk melihat kesan ini. Pertama, kalau kita melihat kritikan ini sebagai negatif. Tentu ia tidak akan ke mana dan dijadikan alasan untuk berdebat. Tetapi saya rasa inilah ujian terbesar kepada pemimpin dalam pentadbiran negara. Sama ada pada peringkat Persekutuan, negeri, badan berkanun atau GLC, iaitu kritikan memang pahit dan pedas serta begitu sifatnya. Tetapi ini mengajar kita supaya jangan bersikap defensif, iaitu kalau diserang maka, bermati-matian mempertahankan walaupun tidak betul. Inilah yang diajar oleh Perdana Menteri, kalau tidak betul, mengaku tidak betul.

Perdana Menteri bersedia menu-

buhkan Suruhanjaya Penambahbaikan Pengurusan dan Perjalanan PDRM. Buktinya ialah supaya kita melihat secara sistematik, berbincang, terbuka, telus dan jangan mempertahankan perkara yang tidak baik. Ini yang Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan, menegaskan bahawa polis tidak akan mempertahankan sesiapa yang buruk. Kalau dulu hanya retorik, sekarang menjadi tindakan. Cuma mereka mengharap tindakan itu berjalan 100 batu sejam, tetapi oleh kerana keadaan semasa, ini menjadi nilai baru cara kita berpolitik, keterbukaan ini mungkin mengambil waktu.

Masih ada yang tidak sanggup menerima kritikan. Kes yang berlaku menggambarkan cara reaksi terhadap kritikan ini. Kita boleh melihat bahawa dulu adalah politik dalaman, tetapi sekarang meluahkan keluar. Ia bukan politik dalaman tetapi hubungan antara kementerian dengan orang ramai, maka ditimbulkan soal rasuah. Dulu ditimbulkan sukan dengan perbelanjaan besar, tetapi tidak menang. Sekarang sudah keluar bagaimana sistem pelaksanaan dalam suatu jawatankuasa itu.

Akauntabiliti mula timbul bukan hanya dalam bentuk pandangan dan tindakan, malah dalam pengurusan kewangan. Ia sudah mengembang dalam banyak bidang tanpa kita rasai. Gembur gembur yang berlaku ini adalah daripada kegiatan yang sudah dicetuskan sendiri oleh Perdana Menteri.

Pada masa sama timbul tanggapan bahawa dalam pentadbiran kerajaan tidak sehaluan dalam perkara yang boleh dianggap dasar, sedangkan saluran perbincangan itu ada

soalnya kita tidak tahu sama ada itu sudah dilakukan atau tidak? Kita tahu perkara itu meletup. Kita perlu mendapat maklumat lebih lanjut. Sekarang saya dan ramai orang tidak tahu mengapa ia meletup. Kita anggap ada saluran yang harus diikuti, tetapi mungkin saluran itu tidak diikuti atau diragui keputusannya, maka secara bebas satu pihak akan membangkang pihak lain. Saya anggap ada masalah dalam proses itu. Kalau berjalan dengan betul dan baik, masalah tidak akan berlaku. Penyelesaian boleh dilakukan pada peringkat itu.

Cuma dulu penyelesaian dicuba secara dalaman, tetapi sekarang penyelesaian dalaman mungkin tidak dapat dilakukan dan mereka mencari jalan luar, iaitu yang pertama ialah media yang membantu dalam banyak hal. Kalau tidak media, dalam web atau internet. Ini bermakna saluran biasa tidak dapat memenuhi atau diikuti. Perkara ini harus disiasat.

Adakah media sekarang menjadi pilihan untuk satu pihak meluahkan kritikan terhadap pihak lain.

Apa tidak anggap media sebagai suatu yang pasif. Media, dari segi hak milik dan syarikat dimiliki kepentingan tertentu dalam kerajaan. Mungkin dulu kerana melihat kerajaan sendiri tidak suka dengan cara begini, mereka tidak ikut. Bagaimanapun, sekarang dengan keterbukaan Perdana Menteri, media mengambil iktibar dan membuka ruang yang dulunya tidak pernah dibuka. Pada saya, ini bukan kerana media mengada-ngada, tetapi berasakan mereka sendiri perlu ikut dan diizinkan.

Saya ambil contoh paling penting, apabila pertama kali Tun Dr Mahathir mengkritik Perdana Menteri. Kalau tidak diizinkan, kritikan itu tidak akan keluar kerana tentu Perdana Menteri diberitahu dulu pelbagai pihak, termasuk Ketua Pengarah, sama ada harus diterbitkan kritikan itu. Saya tidak tahu jawapan Perdana Menteri, tetapi kritikan itu disiarkan di muka depan surat khabar. Ini bermakna jika Perdana Menteri tidak memberi ruang, saya rasa kritikan itu tidak akan keluar. Saya rasa ketelusan itu datang daripada Perdana Menteri sendiri sebagai contoh.

Oleh itu, apabila beliau sendiri menyatakan terbitkan dan keluaran. Apakah maksudnya? Itu adalah isyarat kepada ketua pengarah bahawa isu begini harus disiarkan. Bukan kerana takut, tetapi saya rasa isyarat itu jelas, termasuk mengkritik Perdana Menteri boleh keluar, apatah lagi wakil rakyat atau Ketua Pengarah. Ia memberi galakan dan semangat kepada semua surat akh-



bar. Malah, semua media, termasuk internet bercakap secara terbuka.

Dulu hanya *Malaysiakini* tetapi saya rasa sekarang orang kurang berminat kerana surat khabar pun menyatakan isu secara terbuka. Dalam kes Mahkamah Sivil menyatakan orang bukan Islam harus pergi ke Mahkamah Syariah, tengoklah perdebatan dalam surat khabar. Isu sekarang melampaui soal menteri dan jabatan kerajaan. Banyak lagi! Saya dapat melihat perkembangan ini seolah-olah ada satu bentuk keberanian baru dalam cara kita berbincang.

Tercapainya matlamat pihak yang menggunakan media.

Media adalah saluran yang luas capaiannya. Internet pun boleh digunakan, tetapi capaiannya tidak seluas surat khabar kerana tidak semua orang ada akses. Satu surat khabar, lima orang boleh baca. Di Malaysia juga ada saluran lain seperti surat layang dan khabar angin. Nampaknya khabar angin melalui internet dan sebagainya juga digunakan.

Bagaimanapun pada saya isu yang berlaku sekarang adalah kerana ada orang tidak berpuas hati. Dalam sistem demokrasi, antara keistimewaan ialah pandangan kumpulan kecil sama penting dengan kumpulan besar. Soalnya sekarang kadang-kadang kita tidak dapat membekalkan apakah isu minoriti dan majoriti kerana semua meluahkan rasa hati.

Kita sendiri harus berhati-hati memerhatikan ini kerana jika kita lihat,



Kepada media, ada batasan antara menyampaikan berita dan sensasi. Ada perkara penting dan sensitif kepada negara tidak perlu disensasi. Perbincangan boleh dilakukan secara rasional, matang dan dengan bukti"

Mengkritik pun ada tertib dan bukan hentam saja. Saya rasa apa yang Perdana Menteri katakan ialah sekarang sudah sampai satu peringkat mengata dan bukan mengkritik"

Profesor Datuk Dr Shamsul Amri Baharuddin  
Pengarah Institut Alam dan Tamadun Melayu (Atma) dan Institut Kajian Okcidental (Ikon) UKM

bukan hanya menteri, timbalan menteri atau pegawai kanan kerajaan dipersoalkan, itu tidak penting kerana dalam konteks lain pun ada. Keputusan mahkamah dipersoalkan hingga Perdana Menteri berkata, mesti ada satu pemikiran mendalam dalam proses menyediakan kes mahkamah dan akhirnya adalah pembalikan. Mungkin orang berasakan oleh kerana tidak biasa, maka orang menyatakan tidak ada cerita lain. Mengapa hendak membuka pekung di dada? Soalnya pekung bukan di dada, pekung di mana-mana.

Cuma dulu tidak diceritakan. Sekarang orang sudah berani kata, pekung awak ada di muka. Awak tidak nampak, tengok cermin. Itu maksudnya. Maka mesti dicari ubat, ubat itu bukan mengubat pekung tetapi mungkin mengubah sistem pemakanan kita supaya menjadi lebih sihat. Bagaimana hendak membentuk pentadbiran sihat? Jawapannya ialah mengenal penyakit.

Datuk menyatakan kewujudan dasar keterbukaan, tetapi bagaimana pula apabila Perdana Menteri mengarahkan perbalahan secara terbuka dihentikan

Perdana Menteri tidak mengarahkan kita tidak lagi bercakap secara terbuka. Beliau menyuruh kita berhenti kata-mengata dan untuk isu itu saja. Setiap kali dibiarkan sesuatu isu hingga beliau berasakan tidak lagi rasional, berbahaya dan merugikan, beliau mengarahkan dihentikan. Saya rasa beliau mengarahkan bahawa selepas berbincang secara terbuka, sekarang adalah masa untuk mengambil tindakan menyelesaikan secara senyap.

Katakanlah sekarang Mahkamah Syariah tidak boleh membicarakan hal ehwal orang bukan Islam, tetapi Mahkamah Sivil kata boleh. Cuba cari penyelesaian. Pihak agama lain kata bagaimana kami bukan Islam dibicarakan di Mahkamah Syariah. Apabila perbincangan dilakukan, kita nampak masalah. Perdana Menteri kata berhenti berbincang dan ambil tindakan. Maka tindakannya ialah orang bukan Islam seperti dikehendaki Perlembagaan tidak boleh dibicarakan di Mahkamah Syariah. Manusia diberikan kemampuan berfikir dan carilah jalan lain kerana undang-undang boleh dipinda supaya sesuai dengan keadaan semasa.

Adakah sikap keterbukaan difahami dan digunakan dengan

sebaiknya oleh semua pihak.

Apa tidak terperanjat keterbukaan ini dieksploitasi banyak pihak untuk menyatakan perkara remeh-temeh, memburukkan seseorang, termasuk Perdana Menteri sendiri. Kepada saya, kita tidak boleh minta orang untuk mengkritik perkara tertentu saja kerana ini tidak terbuka. Mengkritik pun ada tertib dan bukan hentam saja. Saya rasa apa yang Perdana Menteri katakan ialah sekarang sudah sampai satu peringkat mengata dan bukan mengkritik. Apabila timbul soal peribadi, ini mengata kecuali mengkritik dengan bukti.

Perdana Menteri pun ada berkata, kita bukan tidak mahu tangkap orang yang terbabit dalam rasuah, tetapi perlu ada bukti. Kita boleh kata Datuk X mengambil rasuah, tetapi apakah buktinya. Kita boleh kata dia memang biasa rasuah, tetapi itu seperti revolusi Perancis apabila mendapat umum dijadikan asas untuk menghukum seseorang. Itu bukan demokrasi, tetapi anarki.

Apakah yang boleh kita pelajari dan dijadikan iktibar terhadap keadaan yang berlaku ini.

Macam mana pun rahsia disimpan, mesti ada orang tahu dan bersedia memberikan maklumat mengenai perkara tidak betul. Ia amaran kepada semua pihak bahawa kamu tidak akan lagi dilindungi oleh sesiapa, termasuk Perdana Menteri. Maknanya, kalau kamu membuat salah atau dianggap bersalah, perkara ini akan diketahui umum.

Harus lebih telus dan berhati-hati. Kalau kita lihat ucapan ketika Perhimpunan Agung Umno, Perdana Menteri memperkatakan mengenai *Little Napoleon*, orang berpangkat kecil yang menyangka dia berkuasa. Sekarang orang kampung pun boleh mengadu jika penghulu hendak menguasai semua. Ia bermakna orang yang menyalahgunakan kuasa kena berfikir dua kali.

Apa yang dilakukan Perdana Menteri, jika ada masalah cuba selesaikan. Perdana Menteri mahu mengubah paradigma, tidak lagi mencari ubat menyelesaikan masalah, tetapi pencegahan.

Macam mana mengelakkan masalah berlaku. Pengajaran paling penting ialah jangan buat dan elakkan jika tidak mahu perkara ini berlaku. Jika berlaku, hendak mencari penyelesaian pun menjadi masalah. Penyelesaian juga termasuk ke mahkamah.

Perdana Menteri seolah-olah mengajak kita daripada heboh dengan ubat, elok kita fikirkan pencegahan. Jangan ingat buat kesalahan tidak diperhatikan dan tidak ada membocorkan rahsia kerana ada orang merasakan perbuatan itu tidak baik. Lebih berhati-hati dan telus.

Kepada media, ada batasan antara menyampaikan berita dan sensasi. Media seperti surat khabar mementingkan sensasi kerana faktor pemasaran. Bagaimanapun, ada perkara yang penting dan sensitif kepada negara tidak perlu disensasi. Perbincangan boleh dilakukan secara rasional, matang dan dengan bukti, tetapi bukan sensasi.

Masyarakat juga boleh melaporkan, tetapi dengan bukti. Jangan hentam. Pegawai kerajaan pula, ikutlah peraturan. Setiap pihak ada kepentingannya.